



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 5 JULAI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|----------|--|---|
| 1. 2. | UPM HASILKAN DEDAK CENDAWAN GANTI JAGUNG, ONLINE, MALAYSIA GAZETTE HARGA BERAS TEMPATAN TERKAWAL, DLM NEGERI, UM-31 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 3. 4. | TANAMAN TERENDAM AIR MASIN HAMPIR SETAHUN, NEGARA, KOSMO-15 PETANI RUGI JUTAAN RINGGIT, NEGERI JOHOR, SH-25 | JABATAN PERTANIAN (DOA) |
| 5. | BANTUAN PERIKANAN BANTU PENTERNAK IKAN SUNGAI PAHANG, NEGARA, KOSMO-14 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 6. | LULUS RM43 JUTA PERUNTUKAN FAMA, LOKAL, HM-20 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 7. | CEMPEDAK NANGKA LEBIH ENAK, MANIS, BERLEMAK, DLM NEGERI, UM-34 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------------------|---------|------------|
| 5/7/2023 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

UPM HASILKAN DEDAK CENDAWAN GANTI JAGUNG



KUALA LUMPUR – Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan makanan dedak cendawan sebagai alternatif menggantikan jagung kepada haiwan ternakan menerusi penanaman cendawan tiram di bawah infrastruktur solar Photovoltaic (PV).

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Tuan Chan Foong Hin berkata, usaha inovasi berterusan seperti dedak cendawan yang dikenali sebagai MyShroomFeed ini akan

membantu menyelesaikan keresahan para penternak di Malaysia serta mengurangkan kebergantungan kita kepada sumber import. “Pihak kementerian sangat mengharapkan penglibatan berterusan pihak UPM sebagai sebuah universiti penyelidikan pertanian negara dalam mencakna solusi bagi pelbagai isu terkini pertanian antaranya keperluan alternatif bagi bekalan dedak ternakan, keterjaminan bekalan telur dan daging, serta ketandusan tanah pertanian,” katanya selepas merasmikan Integrated Agrivoltaic Trail di UPM hari ini.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohd Roslan Sulaiman berharap penghasilan MyShroomFeed yang sedang diusahakan oleh penyelidik UPM akan membantu mengurangkan kebergantungan import jagung bijirin serta bahan utama protein disamping mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Ketua projek, Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya’acob berkata, hampas akar cendawan tiram dan bongkahnya adalah sebagai alternatif menggantikan dedak haiwan ternakan iaitu ayam, itik, arnab dan kambing memandangkan nilai nutrisi terutama Crude Protein (CP) yang tinggi dan tempoh tuaian cendawan yang singkat.

“Tempoh tuaian cendawan tiram ialah tujuh hari selepas bongkah matang serta kaedah penanaman lebih mudah berbanding jagung bijirin yang memerlukan sekitar 120 hari tempoh penanaman,” katanya ketika di temui di Ladang Solar UPM, di sini hari ini. Selain itu, penyelidik UPM membangunkan ‘Agrivoltaic Mushroom Tunnel’ yang merupakan inovasi pertama di dunia bagi penanaman cendawan tiram berskala besar di bawah infrastruktur solar.

Potensi penanaman cendawan tiram di Ladang Solar Puchong bersaiz dua hektar adalah sekitar 600,000 unit bongkah dengan hasil tuaian mencecah 60 tan yang diagihkan kepada 10 zon penanaman. Syarikat Pemula Universiti Putra Malaysia (UPM), Putra Science Park (PSP), UPM, AgroPV Integrated SB dan Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSA) telah menjalankan kerjasama strategik dalam membangunkan teknologi sistem solar Integrated Agrivoltaic Trail sebagai platform dan Proof of Concept (PoC) iaitu integrasi pertanian dalam sistem solar Photovoltaic (PV).

5/7/2023

UTUSAN

DALAM

31

MALAYSIA

NEGERI

Harga beras tempatan terkawal

KUALA NERUS: Harga beras tempatan di negeri ini masih terkawal walaupun berlaku kenaikan di beberapa negeri lain sejak sebulan lalu.

Tinjauan di kedai runcit dan pasar raya di sini semalam mendapati harga beras tempatan dijual serendah RM13 bagi kandungan 5 kilogram (kg).

Seorang peniaga, Rohani Abdullah, 43, berkata, tiada kenaikan mendadak bagi harga beras tempatan sejak dua bulan lalu sehingga minggu ini.

"Beras putih super special tempatan (SST) 5kg dijual pada harga RM13 manakala paling mahal RM16.80 bergantung jenama," katanya ketika ditemui

di sini, semalam.

Wan Zakaria Wan Isa, 47, bagaimanapun mendakwa, berlaku kenaikan RM1 sehingga hampir RM3 bagi beras putih import dipercayai berpunca peningkatan kos operasi di pihak pembekal.

"Harga beras import mencecah RM17.90 bagi kampil 5kg berbanding RM15 atau RM15.50 pada Mei lalu manakala kampil 10kg boleh mencapai lebih RM33 berbanding RM31.

"Pembekal memberi alasan punca kenaikan disebabkan kos operasi dan pengangkutan serta kejatuhan nilai mata wang ringgit," jelasnya.

Suri rumah, Nor Hamidah En-

dut, 51, berkata, kenaikan harga beras import tidak memberi kesan besar kepada pengguna yang kebanyakan menggunakan beras tempatan.

"Dengan peningkatan kos sara hidup masa ini, ramai pengguna memilih membeli beras tempatan 5kg yang berharga RM13 sehingga RM14.50.

"Tetapi situasi ini menyebabkan permintaan tinggi terhadap beras tempatan dan saya bimbang jika berlaku pengurangan bekalan pada masa akan datang.

"Pihak berkuasa perlu memantau harga semasa dan bekalan bagi memastikan beras putih tidak 'terputus' seperti barang kawalan yang lain," jelasnya.



SEORANG pelanggan memilih beras untuk dibeli di sebuah pasar raya di Kuala Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-------|---------|------------|
| 5/7/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |



SEORANG petani dari Kampung Kelicap dan Sungai Suluh melihat pokok kelapa sawit yang mati akibat terendam air masin hampir sepanjang tahun sejak 2018 di Batu Pahat semalam.

Petani rugi jutaan ringgit tidak dapat usahakan tanah **Tanaman terendam air masin hampir setahun**

Oleh **ADNAN IBRAHIM**

BATU PAHAT – Kira-kira 80 orang petani di Kampung Kelicap dan Sungai Suluh di Tanjung Laboh di sini terpaksa menanggung kerugian jutaan ringgit selepas tanaman diusahakan ditenggelam air masin hampir sepanjang tahun.

Kejadian yang bermula sejak 2018 itu berpunca daripada benteng penahan air laut pecah selain tidak diselenggara dengan sempurna menyebabkan air masin masuk setiap kali air pasang.

Pesara kerajaan, Mazlan Ithnin, 58, berkata, tanaman yang diusahakan penduduk adalah kelapa mataq, tacunan dan pandan selain beberapa orang lagi mengusahakan tanaman kelapa sawit.

Katanya, perusahaan yang sudah dilakukan sejak 1976 se-

belum mendapat geran hak milik tanah pada tahun 1980 ini pada mulanya boleh menghasilkan pendapatan RM150,000 setahun untuk setiap petani.

"Daripada sepanjang tiga kilometer benteng yang dibina untuk menahan air laut memasuki kebun ini, hanya kira-kira 300 meter sahaja menggunakan batu, namun selebihnya hanya menggunakan tanah sahaja.

"Akibat daripada itu, beberapa kawasan berlaku runtuh pada benteng dan punca air laut masuk ke dalam kebun sebelum bertakung sepanjang hari," katanya kepada pemberita di sini.

Kata Mazlan lagi, air laut yang memasuki kebun pula lambat untuk keluar akibat pintu air hanya satu, manakala terpaksa menunggu air Sungai Suluh kering baharu air dari dalam kebun boleh mengalir keluar.

Tambahnya, akibat daripada keadaan itu, tanaman yang diusahakan mati selain tidak boleh mengeluarkan hasil menyebabkan semua petani kehilangan hasil pendapatan.

Sementara itu, penduduk Kampung Kelicap, Nordin Daiman, 68, berkata, tanaman yang diusahakan penduduk seluas kira-kira 100 hektar dan turut ditanam tanaman kontan seperti pisang, betik dan jambu.

Dalam pada itu, Penolong Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran Batu Pahat, Anas Mohamed berkata, benteng sepanjang kira-kira empat kilometer itu sebenarnya dibina di atas tanah milik persendirian iaitu petani itu sendiri bukan di atas tanah rezab kerajaan.

Katanya, jadi sukar pihaknya untuk membina benteng kukuh dan ada hanya sementara.

Petani rugi jutaan ringgit

Tanaman tenggelam akibat benteng pecah

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**
BATU PAHAH

Lebih 80 petani di Kampung Kelicap dan Kampung Sungai Suluh di Tanjung Laboh di sini terpaksa melepaskan tanaman jutaan ringgit se-air masin hampir sepanjang tahun.

Seorang petani, Khalid Kader, 55, berkata, masalah itu bermula sejak tahun 2018 apabila benteng penahan sepanjang kira-kira tiga kilometer pecah dan menyebabkan air laut masuk ke kawasan kebun.

Dia mendakwa, air masin masuk setiap kali air pasang dan antara sebab benteng itu ditembusi air laut kerana tidak diselenggara dengan sempurna selain binaannya hanya 300 meter menggunakan batu.

"Akibatnya benteng runtuh dan air laut masuk ke dalam kebun dan bertakung lama. Keadaan ini menjejaskan tanaman," katanya ketika ditemui pada Selasa.

Sementara itu, penduduk Kampung Kelicap, Nordin Daiman, 68, berkata,



Keadaan kebun kelapa yang terjejas teruk selepas air laut masuk ke dalam kawasan kebun dan bertakung.

Penolong Jurutera JPS Batu Pahat, Anas Mohamed menjelaskan, pembinaan benteng menggunakan kayu, bakau dan geotextile akan dilakukan bagi mengatasi masalah itu dari Kampung Sungai Suluh hingga Tanjung Labuh.

Katanya, benteng sedia ada dibina di atas tanah milik persendirian dan bukan tanah rezab kerajaan.

"Benteng sedia ada bersifat sementara. Namun JPS tidak abaikan masalah ini dan dalam proses melantik kontraktor bagi membaiki benteng pecah," katanya.

tanaman diusahakan penduduk seluas kira-kira 121 hektar dan turut ditanam tanaman kontan seperti pisang, betik dan jambu.

"Kami mengharapkan agar ada tindakan drastik serta boleh bertahan lama selain inisiatif mengeluarkan air dalam tempoh singkat agar untuk pertanian dapat diusahakan dengan sempurna," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Senggarang, Yuslah Ismail ketika dihubungi berkata, masalah itu sudah dibawa kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-------|---------|------------|
| 5/7/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Bantuan perikanan bantu penternak ikan Sungai Pahang

TEMERLOH – Kejadian sangkar ikan yang musnah selepas hanyut akibat arus deras Sungai Pahang tahun lalu membuatkan dua penternak ikan sangkar di Kuala Krau, di sini hilang punca pendapatan kerana tidak mampu mengusahakannya semula sangkar ikan berkenaan.

Kejadian tahun lalu itu menyaksikan Mohd. Sakirim Rasli Samudin, 39, dan Mohamad Sa'ari Ariffin, 50, masing-masing hilang 14 sangkar ikan yang musnah selepas ditimpa pokok dan dihanyutkan arus deras.

Namun tindakan proaktif Jabatan Perikanan menghulurkan bantuan berjaya memastikan 'survival' penternak ikan sangkar ini yang berjaya meneruskan dan mengembangkan penternakan ikan sangkar.

Mohd. Sakirim berkata, dia tidak menyangka mampu meneruskan penternakan ikan sangkar selepas hampir kesemua sangkar ikan bersama ikan ditanaknya musnah tahun lalu.

"Alhamdulillah tindakan segera Jabatan Perikanan yang menyalurkan bantuan sangkar ikan, benih dan makanan ikan dapat memastikan saya terus memelihara ikan.

"Kini saya sudah dapat mengembangkan penternakan ikan sangkar dengan mempunyai



MOHAMAD SAKIRIM (dua dari kanan) menerima sumbangan benih ikan daripada Jabatan Perikanan di Kuala Krau, Temerloh semalam.

24 sangkar ikan hasil bantuan Jabatan Perikanan dan pelbagai pihak serta usaha saya bersama keluarga," katanya selepas menerima sumbangan benih ikan patin dan lampam di Sungai Pahang, di Kuala Krau di sini semalam.

Mohd. Sakirim yang mewakili tujuh penternak ikan menerima kira-kira 26,000 benih ikan patin dan lampam yang diserahkan wakil Jabatan Perikanan Pahang.

Sementara itu, Timbalan Pengerah Perikanan Pahang, Muhammad Nur Ashry Bassari berkata, pelbagai bantuan disalurkan jabatannya kepada penternak terjejas termasuk Mohd. Sakirim dan Mohamad Sa'ari.

Katanya, melalui bantuan itu, kedua-dua penternak tersebut telah berjaya menjual sebanyak 2,800 kilogram ikan patin dan 1,750 ikan tilapia dalam tempoh Januari hingga April lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 5/7/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |

FAMA

20 www.hmetro.com.my @hmetromy f HarianMetro @hmetromy

lokal

Lulus RM43 juta peruntukan Fama

Kerajaan sasar buka 2,500 kawasan baharu jualan langsung

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM43 juta kepada Lembaga Pemastautan Pertanian Persekutuan (Fama) bagi membuka 2,500 lagi kawasan baharu untuk jualan secara langsung dalam tempoh enam bulan ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, peruntukan tambahan itu diluluskan jemaah menteri, minggu lalu, bagi membantu rakyat mendapatkan bahan keperluan asas pada harga lebih murah dari pasaran.

"Peruntukan tambahan untuk Fama ini adalah sebanyak RM43 juta bagi enam

bulan terakhir tahun ini, di mana sebanyak 5,000 lokasi akan dikenal pasti dan mungkin sasaran 2,500 untuk kawasan baharu untuk jualan langsung.

"Sehingga kini Fama sudah melakukan jualan di kawasan berkepadatan tinggi membabitkan 523 lokasi," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup, di sini, semalam.

Pada masa sama, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, Fama secara keseluruhannya disasarkan untuk melakukan jualan langsung di 10,000 lokasi kawasan berkepadatan ting-

gi di seluruh negara.

Beliau berkata, 10,000 lokasi bagi penganjuran jualan secara langsung oleh Fama di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) itu dijangka dapat dicapai pada suku ketiga tahun hadapan.

“5,000 lokasi akan dikenal pasti dan sasaran 2,500 untuk kawasan baharu”
Ahmad Zahid

Selain itu, katanya, bagi inisiatif jualan Rahmah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pula, ia akan diadakan di 11 lagi kawasan Parlimen dalam masa terdekat bagi melengkapkan semua 222 Parlimen yang diberikan kemudahan jualan terbabit.

Dalam perkembangan lain, senarai nama dari Pu-

sat Pungutan Zakat (PPZ) dan majlis agama Islam akan digunakan bagi mengenal pasti kumpulan asnaf dan daif di kawasan bandar untuk dibantu bagi menangani isu miskin bandar.

Ahmad Zahid berkata, pendekatan itu akan dilakukan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi membolehkan bantuan diberikan secara langsung kepada kumpulan sasaran.

"Bagi kawasan membabitkan miskin bandar, kami akan lakukan secara NBOS dengan menggunakan senarai daripada PPZ dan majlis agama Islam namun tidak berhajat (masuk campur) soal pentadbiran.

"Namun kita memohon kumpulan asnaf dan daif dibantu secara langsung di kawasan bandar mengikut senarai sedia ada," katanya.



Kunjungan hormat

KETUA Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh menerima kunjungan hormat Pengerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Dr Syed Hussain Aljunid (dua dari kiri) bersama Pengurusan Media Prima Bhd di Seri Negeri, Ayer Keroh. - Gambar NSTP/JAMAH NASRI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------------|-----------------|------------|
| 5/7/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 34 |



Cempedak nangka lebih enak, manis, berlemak

VARIETI cempedak nangka yang dianggap eksklusif di negara ini dikatakan sukar untuk didapati di mana-mana pasaran tempatan.

Buahnya didapati lemak dan manis kerana memiliki tekstur

buah nangka dan cempedak.

Harga jualan bagi buah cempedak nangka adalah sekitar RM8 sekilogram.

■ PENIAGA, Musliadi Basarudin,

48, menyusun buah cempedak nangka untuk dijual kepada orang ramai di gerai buah-buahan di Taman Seri Nanding, Hulu Langat.
- UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH